

Bawa bekal kaedah berjimat



Muhammad Sabri membeli cili merah di premis, Aidah Hamzah. Harga cili merah yang sebelum ini berharga RM20 sekilogram turun kepada RM15 sekilogram selepas Perayaan Tahun Baharu Cina di Pasar Besar Kuantan.

(FOTO FAZROL NASIR/BH)

» **Amalan membandingkan harga antara pasar cara bijak hadapi kos sara hidup naik**

Oleh **Fazrol Nasir**
bhnews@bh.com.my

► **Kuantan**

Bekerja sambil dan membawa bekal ke tempat kerja, adalah antara kaedah dilakukan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) dan kakitangan kerajaan serta swasta bagi menangani peningkatan kos sara hidup.

Bagi penuntut IPT, upah daripada kerja sambil membolehkan mereka menampung

perbelanjaan seharian memandangkan pinjaman atau biasiswa hanya cukup untuk membayar yuran pengajian.

Nurul Liyana Al Zahaba, 25, pelajar tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang (UMP), berkata dia kerja sambil sebagai pembantu penyelidik di universiti itu sejak sebulan lalu.

Dengan upah RM600 sebulan, dia boleh menggunakannya untuk menampung perbelanjaan membeli barangan keperluan harian, petrol dan membayar bil telefon.

"Kadang-kala saya terpaksa berjimat-cermat kerana wang itu boleh disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan," katanya yang berasal dari FELDA Jengka.

Rakannya, Khairul Iskandar Tajuddin, 22, dari Gombak, Selangor, pelajar tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, pula bekerja sambil di restoran dengan pendapatan RM900 sebulan.

Gaji tampung belanja harian

Gaji itu membantunya menampung perbelanjaan harian, sekali gus meringankan bebanan kewangan ibu bapanya.

"Bapa (Tajuddin Jaafar) bekerja sebagai pemandu teksi dan perlu menanggung adik beradik saya lain. Apabila bekerja sambil, ia juga bantu saya berdikari," katanya.

Pekerja swasta, Hasri Jamaluddin, 40, pula membawa bekalan makanan untuk makan tengah hari di pejabat setiap hari, sekali gus menjimatkan perbelanjaan hariannya.

"Apabila memikirkan kenaikan harga barang dan kos sara hidup, ada baiknya saya membawa bekal sama ada untuk sarapan atau tengah hari," katanya.

Suri rumah, Fadheelah Abdul Manaf, 35, berkata dia membuat perbandingan harga di portal pengguna <http://1Pengguna.com> bagi memilih harga paling rendah bagi menjimatkan perbelanjaan harian.

Katanya, dia juga sering pergi ke pasar besar berbanding ke pasar raya kerana harga yang ditawarkan lebih rendah.

"Tetapi tidak semua barangan di pasar besar harganya lebih rendah... ada pasar raya yang jual pada harga lebih rendah, apa yang penting kita sebagai pengguna kena bijak membuat pilihan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di pasar besar Kuantan mendapati harga tomato dijual pada harga RM6 sekilogram berbanding harga di beberapa pasar raya sekitar bandar ini yang jauh lebih rendah antara RM3.48 dan RM4.88 sekilogram.

Cili merah yang dijual di pasar besar lebih murah iaitu RM12 sekilogram berbanding di pasar raya iaitu RM12.99 hingga RM16.99.

Harga ikan bawal hitam di pasar besar Kuantan pula lebih tinggi iaitu RM23 sekilogram berbanding di pasar raya iaitu antara RM6.85 hingga RM18.99 sekilogram.